

Jaga kebersihan Sungai Melaka

ALOR GAJAH: Kerajaan Melaka menyeru semua pihak di negeri ini mengekalkan sikap mengutamakan kebersihan dengan tidak membuang sampah merata-rata kerana sikap buruk itu boleh mencemar keindahan persekitaran termasuk Sungai Melaka.

Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Wira Abdul Ghafaar Atan, berkata kejayaan kerajaan negeri menjadikan Sungai Melaka antara terbaik di dunia pada masa kini akan musnah jika ia tercemar dengan sampah-sarap.

Beliau berkata, sampah yang dibuang terus ke dalam sungai atau dibawa arus air hujan ke dalam sistem perparitan boleh menyebabkan sungai kotor, sekali gus mencatkan keindahannya.

“Sungai Melaka di hulu berpunca daripada aliran Sungai Tampin dan Sungai Tebong yang berada di daerah ini bertembung di Kampung Gadek, sebelum menuju ke bandar raya Melaka.

“Jadi, kerajaan negeri minta semua pihak, terutama penduduk berhampiran sepanjang Sungai Tampin dan Sungai Tebong menjaga kebersihan bagi memastikannya tidak kotor,” katanya merasmikan Program Gotong-Royong sempena Pesta Sungai Melaka 2012 di Sungai Melaka, Kampung Pengkalan, dekat sini.

Sempena majlis itu, Abdul Ghafaar turut melepaskan kira-kira 5,000 anak ikan puyu ke Sungai Melaka dan melemparkan ketulan bola lumpur ke dalam sungai sebagai simbolik semua pihak perlu menjaga dan mencegah daripada

anasir pembawa pencemaran.

Turut serta, lebih 100 kakitangan Majlis Perbandaran Alor Gajah MPAG), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Jabatan Perikanan negeri, SWM Environment Sdn Bhd dan penduduk sekitar yang turut bergotong-royong membersihkan kawasan berkenaan.

Abdul Ghafaar berkata, tanggungjawab menjaga kebersihan sungai bukan saja terletak kepada kerajaan seperti pihak berkuasa tempatan (PBT), tetapi perlu dipikul bersama oleh orang ramai dan pihak swasta.

“Ini selaras dengan Local Agenda 21 iaitu PBT, masyarakat dan pihak swasta bekerjasama merancang dan meneruskan kawasan persekitaran mereka ke arah pembangunan mampan serta kualiti hidup yang lebih tinggi,” katanya